

# Kembar Siam boleh berjalan di Hari Raya

UM 20 OCT 2002

RIYADH 19 Okt. — Hari Raya Aidilfitri awal Disember ini pasti membawa makna cukup besar kepada pasangan kembar Siam, Ahmad dan Muhammad Rosli, 4, yang berjaya dipisahkan di Hospital King Fahad National Guard, King Abdul Aziz Medical City di sini pada 18 September lalu.

Mereka akan menyambutnya dengan dua kegembiraan - dapat beraya di kampung halaman bersama adik bongsu dan datuk nenek, dan kedua, ketika itu sudahpun dapat berjalan seperti kanak-kanak lain kerana masing-masing sudah memiliki sepasang kaki.

"Rakyat Malaysia bukan sahaja akan menyambut Aidilfitri malahan akan menyambut kepulangan Ahmad dan Muhammad yang sempurna," kata Dr. Abdullah Abdulaziz Al Rabeeah, pakar yang mengemudi pembedahan bersejarah tersebut yang mengambil masa 22 jam 45 minit bermula 7.30 pagi 17 September.

Dr. Abdullah membawa khabar gembira itu khususnya kepada ibu bapa pasangan tersebut ketika memberi taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali yang melawat kanak-kanak itu.

Dr. Mahathir yang tiba di Riyadh dari

Islamabad, terus melawat kembar tersebut, sebelum memulakan lawatan kerja tiga harinya ke Arab Saudi.

Ketika ini Ahmad dan Muhammad belajar berdiri selama 10 minit setiap hari bagi menguatkan otot-otot mereka sebagai persiapan untuk mereka berjalan dan hospital akan memasang kaki palsu mereka dua tiga minggu lagi, jelasnya.

"Ukuran sudah dibuat minggu lepas untuk membuat bahagian bawah paha (prosthesis) Ahmad dan adiknya," kata Abdullah sambil menambah kini hanya tinggal Muhammad yang masih dibekalkan antibiotik. Itupun akan berakhir esok.

"Sistem jantung, ginjal, hati dan usus kedua-duanya juga berjalan dengan sempurna," jelasnya.

Program pemulihan dan fisioterapi yang mereka lalui menjadikan mereka semakin kuat setiap hari.

Menurut Dr. Abdullah lagi, kedua-duanya kini juga makan secara normal dan mereka lebih gemar makan nasi, ayam dan sup.

"Berbeza dengan beberapa minggu lepas, Muhammad kini makan lebih banyak daripada Ahmad."

Kedua-duanya gembira membaca cerita kanak-kanak dan bermain dengan pelba-

gai permainan yang dihadiahkan oleh pelbagai pihak sama ada oleh rakyat Malaysia atau Saudi.

Dr. Mahathir kemudian memberitahu pemberita Malaysia bahawa sebagai doktor, beliau begitu kagum melihat perkembangan pemulihan kedua-dua kanak-kanak tersebut yang begitu pantas, apatah lagi apabila pembedahan yang mereka lalui melibatkan organ-organ dalaman seperti hati.

"Saya kagum mereka sudah dapat berdiri dan mereka sedang dilatih (berjalan) dan program diatur bagi membolehkan mereka menggunakan kaki palsu," katanya.

Perdana Menteri berharap menjelang Hari Raya Aidilfitri mereka boleh pulang dan menyambutnya bersama-sama di tanah air.

Sebelum itu ketika menemui kanak-kanak tersebut, Ahmad yang didukung oleh bapanya Rosli Abdul Rahim kelihatan begitu gembira.

Sambil pantas menjawab "khabar baik" apabila Dr. Mahathir bertanya khabarnya, Ahmad turut bersalaman dengan Perdana Menteri.

Muhammad yang dipangku oleh ibunya Aisah Kanda, turut bersalaman dengan Perdana Menteri dan isteri.

Sebelum meninggalkan hospital tersebut, Dr. Mahathir meninggalkan pesan kepada Dr. Abdullah bahawa beliau mengucapkan tahniah kepada pasukan yang menjayakan pembedahan kembar Siam Malaysia itu.

Pembedahan tersebut, yang melibatkan kos RM1.55 juta, dijayakan oleh 41 orang pakar dan ia dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Arab Saudi. — *Utusan*